

# TERLANJUR DENGAN RAKAN MAYA



Sekali lagi berzina selepas bertemu kawan baik yang sudah lama terpisah

**Saya** berusia 22 tahun dan baru berpisah dengan teman lelaki. Saya sangat tertekan dengan perpisahan ini. Bagi mengisi kesepian dan kesedihan, saya kerap kali melayari laman sosial. Tanpa disedari, saya mulai rapat secara maya dengan seorang kenalan. Hubungan kami menjadi lebih serius dan akhirnya berjumpa secara bersemuka. Saya akui setiap hari berhubung dengannya, saya bahagia kerana dia amat memahami. Akhirnya kami terlanjur, tetapi hanya sekali. Saya rasa berdosa dan mengambil keputusan berpisah secara baik. Dia juga akur dan hormati keputusan saya. Sejak itu kami tidak lagi berhubung

dan melakukan hal masing-masing.

Tak lama kemudian, saya berjumpa kawan baik lelaki yang lama terpisah. Kami mulai rapat. Mulanya seperti biasa, tetapi dengan keprihatinannya, saya mulai sayangkannya lebih daripada seorang kawan sehingga kami terlanjur.

Hubungan kami tidak lama kerana mungkin tiada jodoh. Selepas berpisah saya rasa diri ini amat kotor. Saya menyesal dan insaf manakala bekas teman lelaki pula tidak jemu memujuk untuk bersamanya semula.

Selepas mempertimbangkan banyak hal, kami bersetuju meneruskan semula hubungan. Bagaimanapun, teman lelaki pernah bertanya pernahkah manamana lelaki menyentuh saya sebelum ini? Saya jawab tiada. Saya tidak berniat menipu cuma tidak mahu bergaduh.

Saya bertekad menjadi

pasangan yang baik dan berakhir ke jenjang pelamin. Persoalannya, saya masih serba salah pada teman lelaki kerana pernah terlanjur dengan lelaki lain.

Adakah dengan mendiamkan diri, tindakan ini betul? Saya sentiasa berdoa semoga teman lelaki dan keturunan saya dijauhi melakukan dosa sama. Apakah pendapat puan?

## MENCARI SINAR Pahang.

**Islam** menjaga maruah manusia supaya tidak tercemar dengan dosa dan kemungkaran, apatah lagi dosa besar seperti zina. Islam juga menghendaki manusia tidak menurut nafsu semata-mata.

Hawa nafsu perlu dikawal supaya tidak menjatuhkan maruah dan kehormatan diri. Islam menetapkan hukuman keras iaitu 100 kali sebatan bagi pezina belum berkahwin (ghayr muhsan) dan hukum rejam sehingga

mati bagi pezina yang sudah berkahwin (muhsan).

Walaupun hukuman di dunia belum lagi terlaksana, hukuman di akhirat tetap menunggu kepada pezina sama ada muhsan atau bukan muhsan. Pun begitu, jalan terbaik perlu dilakukan ialah dengan memohon keampunan daripada Allah atas segala kemungkaran dan dosa pernah dilakukan.

Tiada jalan lain selain bertaubat kepada Allah supaya mengampunkan dosa dilakukan. Teman lelaki mahupun seorang suami tidak berupaya mengampunkan dosa dengan Allah itu.

Selain itu, anda hendaklah menunaikan segala suruhan Allah terutama solat lima waktu kerana ia berupaya menyekat kemaksiatan dan perkara mungkar. Berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadi Muslimah yang baik lagi solehah. Mudah-mudahan keluarga dan anak terhindar daripada terlanjur melakukan perkara maksiat dan dosa besar.

Mengenai isu rasa serba salah pada teman lelaki, sebaiknya pilih masa sesuai untuk menjelaskan semuanya. Lakukannya jika anda benar-benar bersedia. Ketahui ada beberapa kesan dan akibat daripada penjelasan itu.

Namun, jika anda mendiamkan diri dan benar-benar bertaubat, lupakan apa yang berlaku. Berterusterang penting supaya tidak

timbul perkara berbangkit selepas ini. Pun begitu, fikirkan secara rasional dan bersedia terlebih dahulu sebelum melakukan tindakan.

Jika anda berterus-terang, apakah risikonya. Jika tidak berterus-terang, apakah pula risikonya. Kemudian pertimbangkanlah keputusan anda.

Tegasnya di sini ialah nekad dan tekad untuk bertaubat dan menebus kesilapan lalu dengan meningkatkan amal ibadat.

Usah membiarkan diri anda berada dalam situasi sebegini lagi. Perteguhkan amal ibadat serta keimanan dan ketakwaan menerusi majlis agama dan pembacaan buku pengetahuan. Peruntukan masa lapang untuk memperbaiki imej diri dan berusaha ke arah kebaikan dan keberkatan. Renungkan setiap kesilapan yang pernah dilakukan hanya meninggalkan kesan emosi yang bercelaru.

Anda mungkin bahagia, seronok dan lupa ketika melakukan sesuatu yang terlarang, namun hakikatnya ia bukan jalan penyelesaian untuk mencari kebahagiaan. Pelajari setiap kesan yang menanti. Apakah anda benar-benar terbelad dan disayangi? Jika benar, di manakah mereka kini? Apapun jua, dahulukan Allah dalam segala tindak tanduk seharian. Mudah-mudahan, anda memperoleh ketenangan hati yang hakiki.